

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SHAMSUL ISKANDAR BIN MOHD AKIN

TARIKH : 13 NOVEMBER 2014 (KHAMIS)

SOALAN :

Tuan Shamsul Iskandar bin Mohd Akin [Bukit Katil] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-

- a) berapa banyak Program Pengurusan Bencana Peringkat Komuniti (*Community Based Disaster Management*) yang telah dijalankan sejak tahun 2005 serta bilangan sukarelawan yang telah dilahirkan dari pelaksanaan program Pengurusan Bencana Peringkat Komuniti (*Community Based Disaster Management*) ini; dan
- b) berapakah kos yang telah terlibat di dalam melaksanakan Program Pengurusan Bencana Peringkat Komuniti (*Community Based Disaster Management*) tersebut sejak pertama kali diadakan pada tahun 2005 sehingga sekarang.

JAWAPAN : YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Program Pengurusan Bencana Peringkat Komuniti (*Community Based Disaster Management – CBDM*) merupakan antara program kesedaran awam yang dianjurkan oleh Agensi Kerajaan bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap kesiapsiagaan bencana sejak tahun 2010. Sebelum tahun 2010, antara program kesedaran awam yang dilaksanakan adalah program kesedaran awam mengenai gempa bumi, ceramah keselamatan, kempen kesedaran awam mengenai bencana gempa bumi, tsunami dan cuaca ekstrem; bengkel pemantapan pengurusan dan bantuan bencana, taklimat mengenai bencana dan lain-lain program.

Program CBDM ini diadaptasi daripada kurikulum yang dilaksanakan *Asian Disaster Preparedness Centre (ADPC)* dan dikendalikan oleh Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Perdana Menteri (MKN, JPM). Di Malaysia, program CBDM ini dijalankan dengan memberikan penumpuan kepada peningkatan kesedaran awam serta ketahanan terhadap bencana di daerah-daerah yang mempunyai *hotspots* kemungkinan berlaku bencana berskala besar dan terdedah kepada risiko seperti banjir, tsunami, gempa bumi dan sebagainya.

Tujuan utama penganjuran program CBDM ini adalah untuk menerapkan konsep bantu diri; bantu jiran; dan bantu masyarakat seperti yang telah diterapkan secara meluas di Jepun.

Sebanyak tiga (3) siri program diadakan di setiap negeri dengan anggaran kos penganjuran bagi satu siri program CBDM adalah sebanyak RM10,000. Kos tersebut meliputi perbelanjaan bagi penyediaan bahan edaran seperti risalah kepada peserta, kos penyediaan sajian serta hal-hal keurusetiaan. Sehingga Oktober 2014, seramai 15,113 peserta telah menyertai program ini di seluruh negara.

Sekian. Terima kasih.